



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 MEI 2023 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

25 MEI 2023 (KHAMIS)



AZDY Zukkry memeriksa plastik minyak masak paket yang digunting sebelum isinya dimasukkan ke dalam tangki.

Gunting dan isi dalam tangki

Penyeleweng turut bakar kotak, plastik minyak masak bersubsidi untuk hapus bukti

Bernama

Sandakan

Gunting dan pindah minyak masak subsidi paket satu kilogram (kg) untuk diseleweng dan dijual semula pada harga mahal.

Kegiatan itu bagaimana-pun ditumpaskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hasil rampasan 4.4 tan barang kawalan itu dalam serbuan di Batu 9 di sini, petang kelmarin.

Ketua Cawangan KPDN Sandakan Azdy Zukkry John berkata, pada awalnya pasukan penguat kuasa tidak menjumpai markas kegiatan penyelewengan minyak masak itu.

"Namun, selepas mengekori beberapa lori, pasukan KPDN menemui lokasi tersorok berdekatan dua tempat pelupusan sampah.

"Kami percaya mereka (sindiket) akan menggunting (minyak masak peket bersubsidi) sebelum kotak dan plastik itu dibakar bagi menghapuskan bukti," katanya selepas meninjau lokasi kegiatan itu.



SEBAHAGIAN daripada tangki berisi minyak masak paket bersubsidi yang dirampas KPDN cawangan Sandakan.

Azdy Zukkry berkata, hasil serbuan jam 2 petang itu, pihaknya menahan seorang lelaki tempatan berusia 50-an yang leka menggunting peket minyak masak bersubsidi.

Beliau berkata selain minyak masak, pasukan penguat kuasa turut merampas dua pam dan satu hos getah dianggar bernilai RM16,950 yang disyaki di-

gunakan untuk kegiatan itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Mana-mana individu atau kumpulan yang mahu berniaga minyak masak bersubsidi dinasihatkan supaya berjumpa pihak KPDN yang sedia membantu menjalankan perniagaan itu dengan betul," katanya.



Peniaga Tanjung Dawai lega terima bekalan gula

FOTO MPDN



Sebanyak 600kg gula telah dihantar ke empat tempat di Tanjung Dawai bagi menampung keperluan di lokasi tumpuan itu.

SUNGAI PETANI - Rata-rata peniaga gerai di lokasi tumpuan Tanjung Dawai yang berdepan isu kekurangan gula, kini lega selepas menerima bekalan itu pada Rabu.

Hasnah Che Ani, 43, berkata, sebelum ini, bekalan gula sukar diperoleh kerana dihadkan pembelian dikatakan akibat kekurangan stok.

Hasnah yang menyediakan pelbagai menu makanan dan minuman termasuk mi udang berkata, bekalan itu semakin pulih apabila kini boleh diperoleh di kedai runcit seperti biasa.

"Saya lega sebab kedai makan boleh buka macam biasa, berbanding sebelum ini terjejas beberapa hari sebab gula tak dak.

"Ada maklumat mengatakan terdapat pemantauan dilakukan penguat kuasa dan gula pun sudah dihantar," jelasnya.

Peniaga air, Junaidah Zakaria, 44, pula menjelaskan, kekurangan gula sebelum ini menyebabkannya terpaksa mengurangkan jualan air balang yang sememangnya menggunakan sirap gula.

"Jika tiada gula susah kami nak berniaga," katanya.

Selain itu, penduduk Tanjung Dawai, Shakimi Abdul Razak, 55, berkata, pemantauan perlu diteruskan bagi memastikan bekalan itu tidak terjejas.

"Sebelum ini, kedai runcit hanya jual satu kilogram (kg) gula sahaja kerana tiada stok, masalah sama juga berlaku di Yan di mana ada yang menjual lebih dari pada RM2.85 sekilogram," dakwanya.

Dia bagaimanapun berharap agar perkara itu tidak berulang kerana ia menyukarkan penduduk dan peniaga di kawasan berkenaan terutama pada hujung minggu yang menerima lebih ramai pengunjung.

Sebelum ini, media melaporkan peniaga di Tanjung Dawai terpaksa menutup perniagaan mereka berikutan ketiadaan

bekalan gula sejak beberapa hari lalu.

Pada masa sama, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Kedah, Affendi Rajini Kanth mengesahkan, sebanyak 600kg gula telah dihantar ke empat tempat di Tanjung Dawai bagi menampung keperluan di lokasi tumpuan itu.



HASNAH



AFFENDI RAJINI



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

25 MEI 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 MEI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-May	LIMA'23: KPDN keluar 39 notis di bawah akta kawalan harga dan anti-pencatutan	https://bernama.com/bm/news.php?id=2191902	BERNAMA
25-May	Jangan biarkan barang kawalan 'hilang' di pasaran	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259994	SH
25-May	KPDN Kegiatan Seleweng Minyak Masak Bersubsidi Tumpas	https://youtu.be/fUJVoDdZarw	BULETINTV3
25-May	KPDN N.Sembilan beri jaminan bekalan gula terkawal, mencukupi	https://bernama.com/bm/news.php?id=2191860	BERNAMA
25-May	Bekalan gula di Negeri Sembilan dijamin cukup	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/260070	SH
25-May	KPDN Negeri Sembilan beri jaminan bekalan gula terkawal, mencukupi	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-negeri-sembilan-beri-jaminan-bekalan-gula-terkawal-mencukupi-420945%3famp=1	ASTROAWANI
25-May	Kerangka subsidi bersasar siap 75 peratus	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1105360/kerangka-subsidi-bersasar-siap-75-peratus	BH
25-May	Kerangka subsidi bersasar siap 75 peratus	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/24/deputy-finance-minister-mechanism-for-targeted-subsidy-75pc-complete/70770	MALAYMAIL
25-May	LIMA`23: KPDN sudah keluar 39 notis dalam Ops 516	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1105485/lima23-kpdn-sudah-keluar-39-notis-dalam-ops-516	BH
25-May	Ample supply of sugar in Negri to meet demand, says Domestic Trade Ministry	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/24/ample-supply-of-sugar-in-negri-to-meet-demand-says-domestic-trade-ministry	THESTAR

25-May	KPDN N.Sembilan jamin bekalan gula terkawal, mencukupi	https://mediavariasi.com/2023/05/kpdn-n-sem-bilan-jamin-bekalan-gula-terkawal-mencukupi/	MEDIAVARIASI
25-May	Bekalan gula di Negeri Sembilan cukup, melebihi keperluan	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64129-bekalan-gula-di-negeri-sem-bilan-cukup-melebihi-keperluan	BERITARTM
25-May	Bekalan gula di Kerian mencukupi, pengguna tak perlu panik – Exco	https://www.kosmo.com.my/2023/05/24/bekalan-gula-di-kerian-mencukupi-pengguna-tak-perlu-panik-exco/	KOSMO
25-May	Bekalan gula di Negeri Sembilan mencukupi, lebih penggunaan	https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bekalan-gula-di-negeri-sem-bilan-mencukupi-lebih-penggunaan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=bekalan-gula-di-negeri-sem-bilan-mencukupi-lebih-penggunaan	UM
25-May	Mechanism for targeted subsidy 75% complete, says deputy minister	https://www.themalaysianinsight.com/s/444211	THEMALAYSIANINSIGHT